

06 SEP 1997

Umno-Usul (Agama)

UMNO SOKONG PENDEKATAN SEDERHANA DALAM ISLAM

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Umno menyokong langkah kerajaan untuk mempertahankan pendekatan sederhana dan seimbang dalam Islam yang tidak membawa aliran pelampau atau terheret kepada gejala pelonggar agama.

Othman Desa, perwakilan Pulau Pinang, berkata pelaksanaan dasar-dasar Islam yang bersifat sederhana dan seimbang boleh dijadikan arus perdana dalam penghayatan dan perjuangan Islam di negara ini.

"Berpegang kepada kefahaman urutan keutamaan (auwlawiyyat) dalam memenuhi perjuangan Umno menegakkan Islam, Umno perlu terus mendokong pendekatan kerajaan mengutamakan usaha untuk kesejahteraan ummah merangkumi bidang pendidikan, keselamatan, kesihatan dan kemudahan asas rakyat," katanya ketika membentangkan usul agama pada hari kedua Perhimpunan Agung Umno, di sini, hari ini.

Selaras dengan itu, Umno akan turut membantu kerajaan dalam langkah-langkahnya mempersiapkan prasarana bagi penghayatan Islam yang lebih luas di semua bidang, katanya.

Beliau juga mencadangkan kerajaan supaya meningkatkan lagi usaha bagi mengintegrasikan ilmu pengetahuan untuk melahirkan lebih ramai ulama yang intelektual sebagai pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan dalam semua bidang.

Othman berkata Umno juga harus meminta raja-raja Melayu supaya memberi laluan kepada Kerajaan Pusat bagi menyelaraskan pentadbiran agama dan undang-undang Islam di negara ini.

Mengenai gejala sosial yang kian meruncing, beliau mendesak kerajaan supaya bertindak lebih tegas untuk mengatasi masalah itu dengan meningkatkan program-program pertahanan diri, keibubapaan, pengukuhan institusi keluarga, pembangunan persekitaran madani dan insan mesra.

Beliau berkata Umno juga mesti mengungkap kembali dasarnya supaya lebih jelas dan lebih terperinci sebagai agenda perjuangan utama parti dalam usaha menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam.

"Oleh itu, adalah penting bagi anggota-anggota Umno menjalin hubungan rapat dengan "orang-orang agama" yang banyak berjasa dalam menegakkan Islam di negara ini," katanya.

Beliau turut mengingatkan media supaya lebih berhati-hati dalam mengutarakan berita-berita sensasi bagi mengelak daripada "terlajak" sambil merujuk kepada surat-surat layang yang dituju kepada Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Wakil Pergerakan Wanita, Fatimah Haji Ismail, ketika menyokong usul itu meminta Lembaga Penapis Filem meneliti secara terperinci sebelum meluluskan sesebuah filem untuk ditayangkan di televisyen.

"Apa yang ditayangkan menerusi televisyen sekarang begitu mengejutkan dan menggerunkan. Lembaga Penapis Filem perlu menggunakan tapis yang tak tيره (bocor)," katanya.

Beliau berkata filem juga boleh mendorong berlakunya gejala sosial dan keruntuhan akhlak terutama di kalangan muda-mudi seperti pergaulan bebas, bersekedudukan, membuang bayi, penagihan dadah dan Aids.

Bagi membanteras masalah itu, beliau berkata semua pihak termasuk kerajaan, ibu bapa, masyarakat dan media massa perlu sama-sama memainkan peranan dan bertanggungjawab masing-masing.

Fatimah juga meminta kerajaan memainkan peranan berkesan dalam mengatasi perkembangan fahaman syiah yang semakin menular di kalangan cendekiawan dan para profesional.

"Jika tidak dikawal, ia boleh memosongkan lebih ramai lagi akidah umat Islam di negara ini," katanya.

Wakil Johor, Haji Muntaha Haji Kailan, ketika membahaskan usul itu berkata amalan kesederhanaan yang telah terbukti membawa kejayaan dalam Islam amat sesuai dengan masyarakat majmuk Malaysia, yang sentiasa memerlukan tindakan berhikmah dan bijaksana.

"Bagaimanapun, yang sederhana dalam Islam bukanlah dalam hukum hakam yang telah jelas tetapi dalam cara pelaksanaan dan tindakan kepimpinan serta penganutnya," katanya.

Beliau berkata negara perlu memberikan penekanan lebih menyeluruh dalam pendidikan Islam bagi memupuk kesatuan ilmu yang kini terpisah oleh panggilan ilmu agama dan ilmu sekular.

Untuk mewujudkan ulamak intelek dan intelek ulamak, beliau berkata ia perlu dilakukan melalui penyatuan pemikiran dan muzakarah hendaklah diadakan dari semasa ke semasa.

Wakil Melaka, Haji Idderis Haji Kasim, pula meminta perjumpaan antara pemimpin kerajaan dengan mufti dan para ulama, seperti yang dibuat baru-baru ini oleh Dr Mahathir, dapat diteruskan supaya kedua-dua pihak dapat bersama-sama meningkatkan lagi syiar Islam di negara ini secara bijaksana.

Masyarakat Islam dan bukan Islam juga harus diberi pendedahan dan maklumat mengenai erti sebenar Islam, katanya.

Wakil Kelantan, Mohamad Alwi Haji Che Ahmad, pula mencadangkan supaya para pemimpin negara merapatkan hubungan dengan para ulama sebagaimana dengan golongan korporat agar umarak dan ulama dapat bergerak seiring untuk memajukan negara.

Beliau berkata para ulama termasuk mufti-mufti hendaklah diberikan pendedahan mengenai dasar-dasar negara termasuk Koridor Raya Multimedia (MSC) dan diberi peluang mengikuti rombongan perdagangan ke luar negara.

Beliau mahu Islam dilaksanakan di negara ini secara bijaksana dengan menggunakan pendekatan dakwah yang sesuai.

Mohamad Alwi meyifatkan Kerajaan PAS di Kelantan sebagai "Kerajaan Abu Nawas" kerana sentiasa mempunyai alasan kepada segala tindakan yang dilakukannya.

Beliau juga meminta pendidikan akhlak ditekankan di kalangan masyarakat Islam di negara ini kerana usaha memperbaiki akhlak adalah yang pertama dilakukan oleh Rasulullah ketika mula mengembangkan Islam di Mekah.

Wakil Terengganu, Datuk Shafie Daud, berkata kerajaan perlu memberikan penjelasan kepada masyarakat bahawa kesederhanaan pendekatan Umno dalam melaksanakan Islam bertujuan mentadbirkannya dengan selasa.

Beliau berkata ini bertujuan menjadikan Islam agama yang disanjung umatnya dan yang bukan Islam.

Wakil Wilayah Persekutuan, Haji Adam Elias, pula mengajak anggota Umno mengimarahkan masjid untuk perpaduan ummah setelah banyak bercakap mengenai pertelagahan dan perpecahan umat Islam.

Semua agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas institusi masjid dan surau perlu bekerjasama erat dengan semua pegawai masjid dan surau bagi memastikan khutbah tidak berlainan daripada yang dikehendaki kerajaan.

Wakil Pergerakan Pemuda Umno, Ruslan Haji Kassim berkata Pemuda tidak mahu peristiwa Singapura dilanggar tidak berlaku di Malaysia.

"Untuk menjadikan kita unggul dan semarak, maka kita perlu kembalikan kekuatan intelek dan rohani yang telah runtuh akibat berlakunya politiking murah. Tidak ada jalan lain melainkan kita kembali kepada ajaran agama kita," katanya.

Wakil Selangor, Datuk Fuad Hassan, meminta Umno mengamalkan program dakwah secara kasih sayang dan bukan dengan cara benci membenci.

"Apa yang penting dalam program dakwah agama ialah isinya," katanya

yang bimbang dengan kewujudan dakwah "pinggiran" yang boleh merosakkan perpaduan ummah.

Wakil Pahang, Zainuddin Jumaat, pula menyarankan Kementerian Belia dan Sukan menyediakan pegawai agama di peringkat negeri dan daerah bagi menangani masalah sosial remaja di samping menjadikan aktiviti program rakan muda lebih berkesan.

Beliau juga mencadangkan guru Islam diberi latihan dalam matapelajaran Islam supaya mereka dapat membantu guru agama mengajar pelajaran itu di sekolah bagi memperluaskan pendidikan Islam.

UMNO Pahang juga berharap pelajar sekolah dibenarkan menggunakan bangunan masjid berhampiran sekolah masing-masing untuk latihan praktikal atau aktiviti sesuai bagi merapatkan hubungan mereka dengan masjid, katanya.

Wakil Sabah, Mohamad Yusuf Abdal, berkata Umno bukan sahaja menyelamatkan dan mengangkat martabat umat Melayu, malah merombak pemikiran politik masyarakat Bumiputera di negeri itu.

Beliau berkata perjuangan politik Umno yang meletakkan kepentingan agama, bangsa dan negara di atas segala-galanya akan menjadi warisan yang terus berkembang secara unggul.

"Kepimpinan Umno yang berteraskan prinsip Islam yang universal dan berpegang kepada sikap hormat menghormati akan terus menjadi sumber kesejahteraan dan kebijaksanaan," katanya.

Wakil Negeri Sembilan, Datuk Hamdan Mohamed, berkata Islam memandang tinggi terhadap seseorang yang berilmu pengetahuan tetapi ia harus bermanfaat kepada manusia, diamalkan dengan penuh berhikmah dan diiringi keluhuran budi serta taqwa pada dirinya.

"Ilmu tanpa hikmah adalah hampa dan hikmah tanpa ilmu adalah ibarat lalang yang tidak memberi guna," katanya sambil meminta 2.7 juta orang Umno supaya berazam mencontohi akhlak Rasulullah.

Wakil Kedah, Haji Hamblan Haji Din, berkata kerajaan Malaysia yang diterajui Umno membangunkan Islam dengan bijaksana sama seperti pada zaman Rasulullah dahulu.

"Ini jelas bertentangan dengan dakwaan kerajaan Pas di Kelantan yang mendakwa ia lebih Islam daripada Umno, malah kerajaan negeri Kedah lebih menitikberatkan penguatkuasaan undang-undang Islam jika dibandingkan dengan Pas di Kelantan yang lebih berminat dengan isu kafir-mengkafir," katanya.

Haji Hamblan berkata beliau berani berkata demikian kerana banyak terdapat "ulama karat" di kawasannya di Sik di mana ramai pengikut Pas di situ mengeluarkan fatwa dengan sewenang-wenangnya.

Wakil Perak, Jamal Nasir Rasdi, mencadangkan penubuhan panel intelektual dianggotai golongan profesional bagi membantu dalam hal ehwal Islam.

Beliau juga mencadangkan supaya kerajaan pusat segera menyusun semula sistem pendidikan agama dan menwajibkan kanak-kanak berumur dari tujuh hingga 12 tahun mendapat pendidikan itu bagi melahirkan insan yang mempunyai ketahanan menghadapi sebarang krisis.

Usul itu kemudiannya diluluskan. --BERNAMA

ZAB ARA NAK